

# Bayi sindrom down maut dijerut

B17  
7/8/2015  
mls 16

» Doktor temui kesan lebam pada leher mangsa dijaga TASKA

Oleh Meor Ahmad Nasriin Ishak  
meor.ahmad@bh.com

► Gombak

Seorang bayi lelaki sindrom down berusia 23 bulan, maut dengan kesan jerutan di leher selepas dihantar oleh bapanya ke sebuah TASKA di Taman Pinggiran Templer, Bandar Baru Selayang di sini, Isnin lalu.

Farees Ikhwan yang turut luka di muka, meninggal dunia di klinik swasta di sini, sebelum dihantar ke Hospital Kuala Lumpur (KHL) untuk bedah siasat.

Bapa mangsa, Fathan Fauzan, 33, mendakwa dia menghantar bayinya itu bersama dua anak perempuannya berusia sembilan bulan dan tiga tahun ke TASKA berkenaan jam 8.45 pagi sebelum ke tempat kerja di Petaling Jaya.



Fathan menunjukkan laporan polis dan gambar anaknya yang maut dengan kesan jerutan di leher di Taman Pinggiran Templer, Bandar Baru Selayang, semalam.

[FOTO ZULFADHLI ZULKIFLI/BH]

Dia mendakwa ketiga-tiga anaknya sihat dan tidak menunjukkan sebarang tanda sakit ketika dihantar ke TASKA berkenaan.

"Saya hanya mengetahui kejadian itu selepas doktor klinik di Selayang, menghubungi pada jam

4.50 petang, yang memaklumkan Farees meninggal dunia.

## Bergegas ke klinik

"Saya bergegas ke klinik dan melihat anak saya terbaring di atas katil. Doktor memaklumkan ada

kesan lebam di leher dan luka di pipi Farees," katanya ketika ditemui di rumahnya di Selayang Indah, di sini, semalam.

Selepas itu, Fathan dimaklumkan oleh polis bahawa mayat bayinya akan dihantar ke Unit Fo-

rensik HKL untuk bedah siasat bagi mengetahui punca kematian.

Dia juga mendakwa anggota polis memberitahunya bayinya itu dipercayai dijerut dengan wayar.

"Saya terkejut apabila doktor memberitahu kesan lebam di leher anak saya dipercayai kesan dicekik," katanya.

Berikutan itu, Fathan membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gombak.

"Dia satu-satunya anak lelaki saya... biar polis jalankan siasatan," katanya.

Mangsa dihantar ke TASKA itu sejak Februari lalu dan sepanjang tempoh itu, tiada kejadian tidak diingini berlaku.

Jenazah Farees dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam di Selayang Baru, kelmarin.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten Komisiner Ali Ahmad, berkata pihaknya mengambil keterangan pengurus serta pengasuh TASKA berkenaan bagi membantu siasatan.

"Sehingga semalam (kelmarin), kita menerima tiga laporan polis, masing-masing daripada klinik, bapa mangsa dan pengurus TASKA berkenaan," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.